

DAKWAH KONTEMPORARI PENGAJIAN AGAMA DI MASJID ZAHIR, ALOR SETAR

Contemporary Dakwah in Religious Studies at Masjid Zahir, Alor Setar

*Nur Uswah Ahmad Fauzi¹, Nurunnabilah Mahirah Mohamad Zaini¹, Muhammad Syakir Sulaiman²

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nuruswah@uis.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
16-Dec-2024	19-Dec-2024	01-Jul-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Pengajian agama yang dijalankan melalui institusi masjid terus menjadi asas penting dalam usaha memperkukuh kefahaman umat Islam terhadap nilai dan ajaran agama. Namun begitu, perubahan gaya hidup masyarakat serta pengaruh teknologi telah menimbulkan cabaran baharu terhadap keberkesanan pendekatan dakwah secara tradisional. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menerapkan pendekatan dakwah yang lebih kreatif dan relevan dengan kehendak semasa. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan dakwah kontemporari menerusi pengajian agama yang dijalankan di Masjid Zahir, Alor Setar, Kedah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan kaedah pengumpulan data melalui temu bual separa struktur serta analisis dokumen sokongan. Hasil kajian mendapati bahawa Masjid Zahir telah mengambil pelbagai langkah untuk memperkasakan pengajian agama seperti fiqh, tauhid, dan tasawuf, bukan sahaja melalui kaedah konvensional seperti kuliah dan ceramah, tetapi juga melalui penerapan teknologi moden seperti penggunaan media sosial dan platform digital. Selain itu, kebolehan dan kebijaksanaan para pendakwah dalam menyesuaikan kandungan serta pendekatan penyampaian selari dengan perubahan semasa menjadi faktor penting dalam memastikan mesej dakwah sampai dengan berkesan. Kajian ini mencadangkan agar masjid terus memperluaskan penggunaan teknologi serta mengukuhkan hubungan dengan komuniti agar pengajian agama yang dijalankan kekal relevan dan mampu bersaing dalam arus dunia moden.

Kata kunci: Dakwah kontemporari, pengajian agama, masjid, teknologi, masyarakat

Abstract

Religious education conducted through mosque institutions remains a vital foundation in strengthening the understanding of Islamic values and teachings among the Muslim community. However, shifts in lifestyle and the influence of modern technology have presented new challenges to the effectiveness of traditional dakwah approaches. Consequently, there is an urgent need to adopt more innovative, engaging, and contextually relevant methods of dakwah. This study aims to examine the implementation of contemporary dakwah through religious educational programs at Masjid Zahir, Alor Setar, Kedah. Employing a qualitative case study design, data were collected through semi-structured interviews and document analysis. The findings reveal that Masjid Zahir has

undertaken various efforts to enhance religious education—particularly in the areas of fiqh, tawhid, and tasawwuf—not only through conventional methods such as lectures and sermons but also by incorporating modern technologies including social media and digital platforms. Additionally, the preachers' ability to tailor content and delivery methods in line with current societal changes is identified as a critical success factor. The study recommends that mosques continue to expand the use of technology and strengthen community engagement to ensure that mosque-based religious education remains relevant and competitive in the modern era.

Keywords: Contemporary dakwah, religious education, mosque, technology, community

1.0 PENGENALAN

Masjid telah lama menjadi pusat utama dalam penyampaian ilmu dan membentuk keperibadian masyarakat Islam. Ia bukan sahaja tempat beribadah, tetapi juga memainkan peranan sebagai pusat pembelajaran dan perhubungan sosial (Mustari & Jasmi, 2008). Hasil tinjauan kajian literatur yang dijalankan oleh Shahbuddin & Gunardi (2023) mendapati bahawa peranan masjid pada masa kini masih signifikan sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW iaitu sebagai tempat ibadah dan tempat penyebaran dakwah serta ilmu dan perpaduan ummah. Masjid menjadi tempat tumpuan yang sering dilihat sebagai agen pembangunan komuniti Islam kerana menjalankan tanggungjawab sosial yang berperanan sebagai pusat kemasyarakatan, pusat ibadah, pusat pendidikan serta pemangkin ekonomi ummah (Abd Wakil et.al, 2024). Namun, masyarakat masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kesibukan hidup, pengaruh media sosial dan persekitaran yang lebih terbuka, justeru pendekatan dakwah memerlukan adaptasi strategi yang lebih inklusif dan bersifat semasa.

Pengajian agama yang berteraskan al-Quran dan Sunnah terus dijalankan secara meluas di masjid, meliputi pelbagai bidang seperti akidah, hadis, akhlak, Ulum al-Quran, fiqh, tafsir dan Ulum al-Hadith (Ahmad, K. A. et al. 2023). Menurut Ibrahim, M. R, (2020) Integrasi ilmu yang bersepadu ini bertujuan membentuk individu Muslim yang memiliki kesatuan antara ilmu, penghayatan dan amalan. Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Malkawi (2011) iaitu dalam penyampaian ilmu perlu disertai dengan menyatukan komponen ilmu dan amal kerana kedua-dua perkara ini merupakan asas penting menentukan kejayaan dalam kehidupan individu.

Menurut Abd. Ghani (2021) dalam era digital, pengukuhan ilmu semata-mata tidak mencukupi tanpa pendekatan penyampaian yang sesuai dan menarik, justeru kebolehan institusi masjid untuk menyampaikan kandungan secara berkesan amat penting supaya masjid bukan sahaja menjadi tumpuan lokasi atau destinasi pelancongan bahkan dapat menerapkan pengetahuan tentang Islam khususnya kepada pelancongan bukan Islam. Selain itu, perlunya latihan dan pembangunan kapasiti pendakwah untuk menguasai teknologi digital sebagai medium utama dakwah. Ini termasuk kemahiran menyampaikan ilmu melalui platform seperti media sosial dan penstriman langsung yang lebih dekat dengan generasi kini (Majid et., 2021).

Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab serta kepentingan berdakwah perlu disertai dengan pemantapan ilmu sebagai asas utama pelaksanaan kerja dakwah. Don, A. G. (2021) turut menyarankan agar bahan dakwah disesuaikan dengan keperluan pengguna digital agar mesej Islam dapat disampaikan secara menyeluruh, pantas dan bersifat responsif. Kemantapan ilmu menjadi pemangkin kepada keupayaan pendakwah menghasilkan konten dakwah

yang menarik serta berkesan untuk disampaikan melalui pelbagai aplikasi seperti *Facebook, Instagram, TikTok, Treads*, dan sebagainya. Sehubungan itu, fungsi dan peranan masjid pada zaman era moden berkembang seiring dengan kemajuan tamadun dan teknologi arus teknologi semasa. Sebagai contoh, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya menggunakan teknologi maklumat bagi menyampaikan khutbah secara digital, manakala Masjid Al-Bukhary dan Masjid Negara telah mula memanfaatkan skrin LED, sistem PA pintar, serta rakaman kuliah secara maya. Fenomena ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan dakwah yang lebih kreatif dan interaktif.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Menurut Lebar (2022), reka bentuk kajian kes melibatkan pemahaman mendalam terhadap sesuatu fenomena melalui penerokaan konteks yang dikaji. Pengumpulan data difokuskan kepada gerak kerja dakwah kontemporari dalam pengajian agama di Masjid Zahir, Alor Setar yang telah dilaksanakan melalui sesi temu bual separa berstruktur. Selaras dengan objektif kajian, instrumen temu bual dibentuk hasil daripada kajian lapangan yang berpandukan kajian literatur dan disusun mengikut tema-tema tertentu. Item-item temu bual pula dirangka untuk menelusuri persoalan-persoalan utama kajian. Data yang diperoleh daripada temu bual bersama peserta kajian telah dikemukakan semula kepada mereka bagi tujuan pengesahan, menggunakan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen's Kappa. Proses penganalisan data temu bual dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik, berasaskan kod-kod tertentu yang membentuk dapatan akhir kajian.

2.1 Pemilihan Sampel Kajian

Pengumpulan data temu bual melibatkan seramai lima orang responden yang dikenal pasti bagi menjalankan sesi temu bual. Responden terdiri daripada kakitangan dan ahli jawatankuasa Masjid Zahir yang aktif dalam pengurusan rasmi masjid. Pemilihan mereka dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria kesesuaian, khususnya pengalaman melebihi lima tahun dalam bidang tugas berkaitan, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0 Senarai Peserta Kajian

Kod. Peserta kajian	Tarikh temu bual	Jawatan
PK 1	22 Jan 2023	Imam masjid
PK 2	23 Jan 2023	Timbalan nazir
PK 3	23 Jan 2023	Biro pengurusan masjid
PK 4	22 Jan 2023	Biro Dakwah
PK 5	22 Jan 2023	Setiausaha masjid

3.0 LATAR BELAKANG MASJID ZAHIR ALOR SETAR, KEDAH

Masjid Zahir atau juga dikenali sebagai Masjid Zahrah yang merupakan masjid negeri Kedah. Ia merupakan masjid negeri bagi Kedah Darul Aman dan turut digelar sebagai Masjid Diraja kerana lokasinya yang berdekatan dengan kawasan Istana Pelamin (Jamaluddin & Tatar, 2018). Masjid ini menjadi mercu tanda penting di bandar Alor Setar dan dikenali dengan seni bina khasnya yang menampilkan satu kubah utama berwarna hitam serta lima kubah kecil lain, yang direka menyamai lima

Rukun Islam (Mat Zin et.al., 2012). Proses pembinaan masjid ini memakan masa lebih tiga tahun untuk disiapkan dan siap secara rasmi untuk kegunaan orang ramai pada tahun 1915 (6 Zulhijjah 1333H) .

Tapak asalnya dikenali sebagai Masjid Lama dan dari situ dibangunkan sebuah masjid yang menampilkan kehalusan seni bina Islam yang unik serta kaya dengan nilai warisan tempatan. Antara keistimewaan utama masjid ialah mempunyai ruang solat yang tersedia dan mihrab masjid ini mempunyai sedikit kelainan berbanding dengan masjid lain kerana mempunyai dua mihrab yang berbentuk bulat yang melengkung. Kedua-dua mihrab tersebut diperbuat daripada batu asli yang dihias dengan ukiran bermotifkan geometri, kulit kerang dan corak awan larat (Jamaluddin & Tatar, 2018). Dari segi nilai estetika, Masjid Zahir sering diiktiraf sebagai antara masjid tercantik di dunia dan merupakan antara masjid tertua di negeri Kedah. Selain itu, masjid ini menyimpan nilai sejarah yang tinggi ini menjadi saksi kepada perjuangan dan kebangkitan rakyat negeri Kedah menentang penjajah British pada awal Abad ke-20.

Masjid Zahir bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, tetapi juga memainkan peranan signifikan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Kehidupan komuniti sekitar masjid, terutamanya dalam kawasan pusat bandar Alor Setar, menunjukkan keterikatan yang erat dengan institusi ini. Masjid ini menjadi pusat interaksi masyarakat, terutamanya dalam aktiviti berbentuk hubungan masyarakat dan kebajikan. Sebagai contoh, penganjuran program khatan beramai-ramai, karnival komuniti, dan forum perdana sempena hari kebesaran Islam bukan sahaja merapatkan hubungan dalam kalangan ahli qayah tetapi juga memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam untuk mengenali Islam dalam suasana harmoni dan terbuka. Kini, masjid ini bukan sahaja berperanan sebagai institusi keagamaan, bahkan turut menjadi salah satu tarikan pelancongan utama di negeri Kedah.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian diperolehi melalui sesi temu bual bersama kakitangan Masjid Zahir, Alor Setar yang terlibat secara langsung dalam pengurusan program-program dakwah masjid tersebut. Soalan temu bual difokuskan kepada aspek strategi pemeraksanaan dakwah kontemporari dalam konteks pengajian agama yang dilaksanakan di masjid berkenaan. Maklum balas yang diterima merupakan input lisan yang bertujuan menjawab persoalan utama yang dirangka dalam kajian ini.

4.1 Pemahaman Matlamat Dakwah Kontemporari

Hasil kajian menunjukkan bahawa kefahaman berkaitan matlamat pengimarah masjid dalam konteks semasa merupakan antara matlamat utama yang ditekankan oleh ahli jawatankuasa masjid, khususnya dalam memastikan setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan menepati objektif yang telah ditetapkan. Berdasarkan maklum balas daripada PK1, PK2 dan PK4, perancangan program masjid dilaksanakan dengan penelitian rapi bagi mencapai matlamat membina hubungan kolaboratif yang baik bersama ahli qayah, agensi luar, serta institusi seperti Majlis Bandaraya, Jabatan Bomba dan Klinik Kesihatan. Pendekatan ini diusahakan bagi menarik penyertaan komuniti luar agar turut serta dalam usaha memakmurkan masjid. Dapatan ini selari dengan pandangan Remly et.al, (2019) yang menjelaskan bahawa pengimarah masjid dalam erti kata sebenar dapat dicapai melalui pelaksanaan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang bersifat mendekatkan

diri kepada Allah SWT, serta berupaya meningkatkan kesedaran beragama dan keharmonian sosial dalam kalangan masyarakat.

Dalam membincangkan matlamat perancangan aktiviti pengimarah masjid, PK3 menegaskan bahawa niat kerana Allah SWT merupakan asas utama dalam merancang sesuatu program. Beliau menyatakan bahawa sebarang usaha dakwah yang dilaksanakan perlu berteraskan keikhlasan dan berpaksikan iman agar objektif program dapat dicapai dengan berkesan serta mendapat sambutan daripada masyarakat sekitar. Hal ini dijelaskan oleh PK3 seperti berikut:

PK3: "Bila nak merancang apa-apa program imarah ni... pertama, perlu ada niat kerana Allah sebab nak berdakwah... paling penting sebabnya kita nak biar apa yang dirancang tu berpaksikan iman... haa... lepas tu baru la penganjuran tu insya-Allah dapat sambutan dari masyarakat sekeliling."

Menurut PK5, masjid berperanan sebagai institusi utama dalam mengangkat syiar Islam dalam masyarakat. Hakikat pengimarah masjid melalui aktiviti dakwah dapat dilihat apabila masyarakat setempat bukan sahaja digalakkan, bahkan turut berjaya ditarik untuk menunaikan solat secara berjemaah. Kejayaan tersebut menjadi lebih signifikan apabila penglibatan komuniti berlaku secara konsisten di masjid-masjid sekitar. Pandangan ini turut selari dengan pendirian al-Qaradawi (1997) yang menegaskan bahawa kekuatan umat Islam dapat dilihat melalui kesungguhan mereka memelihara solat berjemaah, kerana institusi masjid merupakan pusat utama yang menyatukan umat dan mengangkat martabat agama dalam sesebuah masyarakat.

Berdasarkan dapatan di atas, dapat disimpulkan bahawa matlamat dakwah yang dirangka oleh pihak masjid tidak terbatas kepada aspek kerohanian semata-mata, malah menunjukkan ciri pendekatan kontemporari yang lebih bersifat strategik. Ini terbukti melalui usaha membina kolaborasi bersama pelbagai institusi, penglibatan masyarakat luar, serta penerapan penggunaan medium teknologi semasa. Keseluruhan pendekatan ini mencerminkan corak dakwah yang lebih terbuka, bersifat menyeluruh dan menepati keperluan semasa.

4.2 Pengurusan Pengajian Agama yang Sistemik

Hasil kajian mendapati bahawa Masjid Zahir memiliki gerak kerja yang tersusun dan sistemik dalam merancang serta melaksanakan kelas-kelas pengajian agama. Berdasarkan maklum balas daripada PK1, PK2, PK3 dan PK5, pemilihan tenaga pengajar serta kitab-kitab yang digunakan telah diselaraskan oleh pihak berkuasa agama negeri, iaitu Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) serta Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMKN). Tapisan awal oleh pihak tersebut seterusnya akan dikaji dan dipantau oleh Jawatankuasa Masjid Zahir sebelum mendapat kelulusan untuk dilaksanakan di peringkat masjid.

Menurut PK1, aspek hala tuju dan kandungan silibus dalam pengajian agama perlu diberi perhatian yang serius agar ia dapat memberi kesan positif kepada masyarakat. Beliau menekankan keperluan untuk menilai keseimbangan antara tiga komponen utama iaitu akidah, syariah dan tasawuf. Beliau menyatakan:

PK1: "Apa yang saya lihat pengajian agama, contohnya keseimbangan dari aspek silibus ya... contohnya, perlu diteliti juga tiga aspek akidah, syariah dan tasawuf. Sememangnya kita ada pihak-pihak berauthoriti untuk meluluskan pengkuliah dan kitab namun pengurusan juga perlu lihat seimbang tak antara tiga aspek tadi supaya ada hala tuju yang berkesan."

Pandangan tersebut selari dengan dapatan kajian Ibrahim (2020) yang menekankan bahawa pengajian agama yang dijalankan di masjid perlu berteraskan integrasi ilmu secara bersepadu agar ia dapat dikaitkan dengan keperluan semasa dan berfungsi sebagai medium penyatuan antara ilmu dan realiti kehidupan.

Sementara itu, berdasarkan temubual bersama PK4, didapati bahawa proses pemilihan guru dan penceramah dalam kelas pengajian di Masjid Zahir tidak dilakukan secara sembarangan atau tidak rasmi. Sebaliknya, pelantikan dilakukan secara prosedural dan melalui proses yang sah. Hal ini menunjukkan komitmen pihak pengurusan masjid dalam memastikan hanya individu yang memiliki kelayakan dan kepakaran yang sesuai dipilih untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat.

Wahab et.al, (2016) turut menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa pelantikan imam dan ahli jawatankuasa masjid perlu dilaksanakan secara teliti kerana kepimpinan yang berkualiti mampu menarik minat masyarakat. Malah, penglibatan tokoh terkenal seperti selebriti dan model Muslim yang berperwatakan positif turut berpotensi memberi pengaruh dalam membentuk personaliti Muslim yang seimbang dan berakhlak.

4.3 Program-program Bersifat Holistik

Hasil Dapatan kajian menunjukkan bahawa PK3 dan PK4 berpandangan bahawa setiap program yang dianjurkan oleh Masjid Zahir dirancang secara bersegi menepati kumpulan sasaran tertentu. Antara segmen yang dikenalpasti termasuklah kanak-kanak, remaja, golongan pertengahan usia dan warga emas. Bagi segmen kanak-kanak, antara program yang dijalankan termasuk khatam beramai-ramai dan khemah ibadah. Manakala bagi segmen dewasa, aktiviti seperti berbuka puasa dan gotong-royong merupakan antara bentuk penglibatan sosial yang dilaksanakan. Golongan dewasa dan warga emas pula lebih tertumpu kepada program berteraskan ilmu seperti kelas pengajian dan sesi perkongsian ilmu secara berkala.

Sementara itu, PK1 dan PK5 menekankan bahawa pendekatan Masjid Zahir bersifat inklusif dan terbuka kepada penyertaan semua lapisan masyarakat, termasuk bukan Islam. Menurut PK1, keterbukaan ini bertujuan memperluaskan impak dakwah dalam bentuk yang lebih menyeluruh dan holistik:

PK1: "Masjid Zahir sangat terbuka kepada semua orang, biar nampak lebih menyeluruh apa orang sebut tu... haaa... lebih holistik. Kepada non-Muslim pun ada libatkan mereka, jemput untuk sertai karnival dan lain-lain."

PK5 turut menegaskan prinsip keterangkuman dalam penganjuran program masjid:

PK5: "Di antara pendekatan dalam program kita lebih bersifat terbuka. Maksud kata kita tak menghadkan golongan tertentu je, golongan dewasa, kanak-kanak, muallaf atau non-Muslim pun masuklah."

Pandangan ini disokong oleh kajian Mariam dan Yusuf Marlon (2016) yang menyarankan penggunaan pelbagai medium dakwah dalam konteks masyarakat majmuk, antaranya dakwah bi al-lisan (secara lisan), bi al-kitabah (secara penulisan) dan bi al-hāl (melalui teladan peribadi). Ketiga-tiga bentuk pendekatan ini amat berpotensi untuk digunakan secara strategik oleh institusi masjid dalam usaha merapatkan hubungan dengan komuniti bukan Islam.

PK2 pula menekankan kepentingan pelaksanaan postmortem selepas sesuatu program sebagai mekanisme penambahbaikan berterusan. Langkah ini dianggap penting bagi memastikan keberkesanan program yang dianjurkan sejajar dengan keperluan semasa masyarakat. Sehubungan itu, cadangan oleh

Remly et.al, (2019) turut menyarankan agar aktiviti seperti ceramah perdana, forum dan sambutan hari kebesaran Islam diberi suntikan baru dari sudut kandungan dan kaedah pelaksanaan. Usaha ini perlu digembleng bersama oleh seluruh warga masjid termasuk kakitangan, jawatankuasa dan anak qaryah bagi melahirkan masyarakat yang lebih peka dan celik agama.

Pengajian agama turut diberikan penekanan melalui pelaksanaan kuliah dan ceramah berjadual yang dijalankan secara aktif. Ini termasuklah kuliah Subuh, kuliah Dhuha, kuliah Zohor, kuliah Maghrib, kuliah Takmir, serta ceramah bulanan yang menjadi sebahagian daripada usaha memperkasakan ilmu di masjid. Aspek ini menunjukkan bahawa pendekatan holistik dalam penyampaian ilmu sedemikian mampu menarik minat masyarakat sekaligus meningkatkan kadar kehadiran dan penglibatan dalam aktiviti masjid.

4.4 Kebajikan dan Bantuan yang Responsif

Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian (PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5) sependapat bahawa pihak pengurusan Masjid Zahir menyediakan kemudahan kaunter pertanyaan khusus bagi urusan kebajikan dan bantuan kepada masyarakat. Selain itu, beberapa program tahunan turut dilaksanakan dengan tujuan menyantuni golongan asnaf, khususnya dalam aspek agihan bantuan zakat. Pelaksanaan program ini turut melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan institusi luar seperti Jabatan Integriti, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Penglibatan pelbagai pihak ini menunjukkan komitmen masjid dalam mengukuhkan jaringan sokongan sosial serta memperkukuh hubungan antara institusi keagamaan dan pihak luar.

Secara asasnya, konsep kebajikan dalam Islam telah lama diangkat sebagai tunjang kepada pembentukan masyarakat yang harmoni, di mana amalan tolong-menolong dan saling membantu antara sesama Muslim menjadi prinsip penting dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan sosial ummah. Hal ini menggambarkan keberanian pihak masjid membawa mesej Islam ke lapangan sosial sebenar, tidak terhad pada kuliah dan mimbar sahaja.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif kebajikan turut dilaksanakan oleh pihak masjid, antaranya termasuklah pengagihan sedekah pada setiap hari Jumaat, penyediaan rawatan percuma melalui program klinik komuniti, serta hidangan makanan yang disediakan kepada jemaah selepas menunaikan solat secara berjemaah. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen masjid dalam memperkukuh hubungan dengan masyarakat setempat melalui pendekatan yang bersifat menyantuni sebagai sebahagian daripada pendekatan dakwah *bi al-Hāl* yang bersifat kontemporari, kerana ia mampu menarik penyertaan golongan sasaran yang mungkin sukar didekati melalui ceramah atau pengajian formal.

Pendekatan kebajikan yang dilaksanakan oleh pihak masjid dilihat berupaya menarik kehadiran golongan yang memerlukan, termasuk individu kurang upaya, untuk mendekati diri dengan institusi masjid. Antara inisiatif tambahan yang turut dilaksanakan ialah penubuhan sistem pengurusan zakat secara lokalisasi, yang lebih teratur dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat. Pandangan ini dianggap relevan kerana wujudnya tahap kepercayaan yang tinggi terhadap peranan institusi masjid dalam menguruskan kebajikan masyarakat. Masjid dilihat sebagai entiti yang mampu melantik amil yang profesional bagi mengurus agihan zakat di peringkat lokaliti dengan lebih cekap dan telus. Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan masjid dalam mengurus sumber dan agihan zakat secara adil dan saksama (Rahman et.al., 2019)

serta menyentuh realiti masyarakat semasa sama ada golongan miskin bandar, orang tua, mualaf, golongan terpinggir.

4.5 Penggunaan ICT

Dalam era kontemporari, landskap pembelajaran telah mengalami perubahan ketara melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dilihat mampu merangsang pemahaman, mempercepatkan penguasaan topik, meningkatkan motivasi serta mencetuskan minat dan kreativiti masyarakat (Kamsaton et.al., 2010). Selari dengan perkembangan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak pengurusan Masjid Zahir telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan akses digital bagi membolehkan masyarakat mengikuti maklumat serta aktiviti masjid secara lebih efektif.

Antara inisiatif tersebut termasuk penstriman langsung ceramah dan kuliah agar dapat diakses oleh mereka yang tidak dapat hadir secara fizikal. Hal ini dinyatakan oleh PK1:

PK1: "Kita buat live stream juga kalau ada ceramah atau kuliah... walaupun depa tak hadir, depa boleh dapat daripada situ."

PK2 pula menekankan peranan pendidikan berasaskan media sosial dalam menyampaikan nilai-nilai Islam kepada masyarakat:

PK2: "Kita bagi pendidikan kepada anak-anak qaryah kita dan orang ramai melalui media sosial rasmi masjid. Kita mendidik dalam tu kebaikan sedekah, infaq, jadi tak banyak sedikit kesannya ada pada masyarakat."

Selain itu, PK3 menyatakan bahawa pelbagai platform seperti Facebook rasmi masjid dan saluran YouTube telah dimanfaatkan sebagai medium penyampaian maklumat:

PK3: "Kita ada Facebook rasmi masjid, YouTube dan lain-lain..."

Manakala PK5 berkongsi bahawa interaksi dua hala juga berlaku melalui medium sosial ini, terutamanya melalui ruang maklum balas pengguna:

PK5: "Tentang maklum balas memang ada kita dapat dari orang awam contohnya melalui Facebook masjid... apa-apa komen kita dapat juga dari situ."

Namun begitu, PK4 berpandangan bahawa penggunaan ICT dalam pengurusan dan pelaksanaan dakwah masjid masih berada pada tahap penyesuaian. Menurut beliau, aspek kawalan terhadap kandungan yang dimuat naik perlu diteliti secara berhati-hati, selain isu kemahiran kakitangan dalam mengoptimumkan penggunaan teknologi tersebut.

Kajian Mat Jusoh et al. (2023) menyokong dapatan ini apabila menyatakan bahawa penggunaan media digital seperti Facebook, laman sesawang, dan portal rasmi masjid amat penting untuk tujuan promosi program-program keagamaan, penyebaran bahan khutbah, jadual pengajian dan pengumuman aktiviti semasa. Manakala dalam konteks penyampaian ilmu seperti Hadis dan takmir, Ahmad et.al, (2023) menekankan bahawa metodologi penyampaian perlu dipelbagaikan agar selari dengan tuntutan semasa, selain memastikan keabsahan dalam pemindahan ilmu.

Secara keseluruhannya, keberkesanan pengajian agama dan pengimarahkan masjid masa kini amat bergantung kepada tahap kesediaan pihak masjid dalam

menyediakan kemudahan ICT serta memanfaatkan sepenuhnya saluran digital sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Penyediaan prasarana yang bersesuaian bukan sahaja dapat menarik minat masyarakat untuk menghadiri program masjid, tetapi juga membuka ruang kepada pengukuhan fungsi masjid sebagai pusat ilmu dan dakwah digital.

4.6 Medium Dakwah Pelancongan Kontemporari

Antara keistimewaan masjid di Malaysia ialah sifat fizikalnya yang sering menjadi tumpuan masyarakat, khususnya dalam pelbagai lokasi strategik di seluruh negara. Kemudahan asas yang tersedia di masjid, termasuk ruang penginapan, bukan sahaja memudahkan urusan ibadah bagi golongan musafir, malah menunjukkan fungsi masjid yang lebih inklusif. Dalam konteks yang lebih proaktif, pihak pengurusan masjid berpotensi untuk memperluaskan fungsinya dengan menyediakan rumah tumpangan atau homestay sebagai satu inisiatif pelancongan berasaskan masjid. Pendekatan ini bukan sahaja menjana pendapatan untuk kelangsungan ekonomi masjid, tetapi juga menjadi medium menyampaikan dakwah kepada pelancong, termasuk non-Muslim (Fauzi & Yusuf, 2016).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masjid Zahir menerima kunjungan yang berterusan daripada pelawat tempatan dan antarabangsa. Menurut PK3 dan PK4, faktor utama yang menarik minat pengunjung adalah keunikan seni binanya yang menampilkan gabungan elemen Parsi, Timur Tengah dan Roman, selain nilai sejarah yang terkandung dalam struktur dan kedudukannya. PK1 pula menjelaskan bahawa Masjid Zahir telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas berkenaan pengurusan lawatan dan penginapan. Langkah ini bertujuan memastikan keselesaan pengunjung serta pematuhan terhadap prinsip-prinsip syariah. Contohnya, pelawat wanita bukan Islam disediakan pakaian jubah khas sebelum memasuki kawasan masjid sebagai menghormati adab berpakaian dalam ruang ibadah. Selain itu, pegawai bertugas akan memberikan penerangan secara terperinci kepada pengunjung tentang struktur dan fungsi masjid seperti ruang solat, tempat wuduk, sudut bacaan, kubah, menara dan lain-lain bahagian penting.

Pendekatan ini jelas menunjukkan usaha memperluas peranan masjid dalam konteks dakwah pelancongan, yang bersifat mesra komuniti dan terbuka. Ia turut mencerminkan langkah strategik yang dapat memperkukuh hubungan antara masyarakat awam dengan institusi masjid. Sehubungan itu, Wahab et.al., (2016) turut menyatakan bahawa penyediaan kemudahan seperti tempat penginapan untuk musafir dan pelancong memberi kesan positif terhadap keterlibatan masyarakat dalam program-program masjid serta dapat meningkatkan kecenderungan mereka untuk mendekati diri dengan aktiviti keagamaan yang dijalankan.

Hasil kajian menunjukkan PK 3 dan PK 4 menjelaskan bahawa masjid Zahir merupakan masjid yang sering menerima kunjungan sama ada daripada masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar negara. Ini disebabkan masjid ni mempunyai keunikan tersendiri terutamanya dari aspek seni bina yang sangat menarik seperti pembinaannya yang bercirikan Parsi, Timur Tengah dan Roman dan mempunyai penceritaan sejarah yang tersendiri bagi tarikan pelancong.

PK 1 menyatakan bahawa masjid Zahir juga mempunyai Standard Operational Procedur (SOP) berkaitan penginapan dan lawatan pengunjung yang berkunjung ke masjid ini. Ini bagi memastikan pengunjung mendapat layanan yang baik dalam masa yang sama memenuhi keperluan syariah Islam. Contohnya, bagi pelancong wanita non-Muslim mereka disediakan persalinan jubah apabila memasuki masjid. Seterusnya, pegawai yang bertugas akan membawa mereka mengelilingi Kawasan masjid dengan menerangkan fungsi bahagian-bahagian yang ada seperti ruang solat, tempat berwuduk, sudut bacaan, kubah, menara dan sebagainya.

Usaha mempergiatkan lagi peranan masjid untuk menarik pelancong datang ke masjid secara tidak langsung dapat menonjolkan tindakan yang proaktif untuk pemeraksanaan dakwah. Tambahan lagi, menurut Wahab et.al., (2016) kemudahan seperti pusat penginapan para musafir atau pelancong dilihat akan terus memberi kesan terhadap penglibatan masyarakat untuk mendekatkan diri dengan aktiviti masjid.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyerlahkan keunikan Masjid Zahir bukan sahaja sebagai institusi ibadah bersejarah, tetapi juga sebagai model pelaksanaan dakwah yang bersifat kontemporari melalui pelbagai pendekatan seperti integrasi teknologi, strategi pengajian agama yang sistematik, pelibatan komuniti secara holistik, kebajikan sebagai dakwah bi al-hāl, dan penglibatan dalam dakwah pelancongan. Elemen-elemen ini menunjukkan bahawa dakwah di Masjid Zahir telah menyesuaikan diri dengan kehendak semasa masyarakat digital dan majmuk, menjadikannya relevan dalam konteks global dan masa depan.

Kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman terhadap bentuk pelaksanaan dakwah kontemporari di masjid, khususnya dari sudut praktikal dan pengurusan program. Namun begitu, terdapat ruang untuk meneroka aspek lain dalam kajian lanjutan seperti keberkesanan kandungan pengajian terhadap perubahan sikap komuniti, penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap pendekatan dakwah pelancongan, serta keberhasilan penggunaan media sosial masjid dalam menyampaikan mesej dakwah secara berkesan.

6.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penulisan artikel ini.

7.0 PENGHARGAAN

Penghargaan kepada semua individu dan institusi yang terlibat secara tidak langsung dalam menyokong penyediaan artikel ini.

8.0 SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis menyumbang kepada penulisan artikel ini.

9.0 RUJUKAN

- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024). Pemeraksanaan Institusi Masjid Sebagai Pusat Bantuan ekonomi Lokal di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 115–126. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no2.584>
- Abd. Ghani, Z. (2021). Ekosistem dakwah digital: Cabaran masa depan dunia dakwah digital. *Prosiding Simposium, Dunia Dakwah Digital 2021*, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah

- Ahmad K. A., Muhammad Lukman Mat Sin, Ameer Ikhwan Zaini, & Mohd Asri Ishak. (2023). Kitab-Kitab hadith dalam Pengajian Takmir di Institusi masjid di perlis: Kajian tinjauan. *HADIS*, 13(25), 1–9. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i25.171>
- Ahmad, K. A., Asni, F., Mat Sin, M. L., Zaini, A. I., & Abdul Aziz, A. (2023). A review of hadith studies in takmir programme at mosque institution in Perlis. In *Proceedings papers that have been presented in 3rd International Conference on Islamic Contemporary and Management 2023 (3rd ICICM2023)* (Vol. 1, pp. 189–201). KUIPs Publisher.
- Ahmad, K. A., Muhammad Lukman Mat Sin, Ameer Ikhwan Zaini, & Mohd Asri Ishak. (2023). Kitab-Kitab Hadith Dalam Pengajian Takmir Di Institusi Masjid Di Perlis: Kajian Tinjauan. *Hadis*, 13(25), 1-9. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i25.171>
- al-Qaradawi, Y. (1997). *Fiqh al-Awlawiyyat: Dirasah Jadidah fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Dar al-Shuruq.
- Don, A. G. (2021). Pembangunan kepimpinan da'i dalam dakwah era digital. *Prosiding Simposium, Dunia Dakwah Digital 2021*. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah.
- Fauzi, A. M. S., & Yusuf. M. M. A. (2016). Strategi pembangunan ekonomi masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. *Strategi pembangunan ekonomi Masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah, 1–10.
- Ibrahim, M. R. (2020). Integrasi Ilmu Usuluddin Dalam pengajian agama di masjid. *'Abqari Journal*, 23(1), 128–144. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no1.143>
- Jamaluddin, M. F., & Tatar, A. (2018). Institusi masjid dalam memperkasa legasi ummah: Satu kajian di Masjid Zahir, Alor Setar. Dalam *E-Book of Masjid, Zakat and Waqf Management 2018 (IMAF 2018)* (pp. 274–281). Kolej Poly-Tech MARA.
- Kamsaton, S., Mohd Izham, M. H., & Mohd Kamil, A. K. (2010). Kepentingan amalan penggunaan ICT dalam kalangan pentadbir masjid: Hubungkaitnya dengan pengajaran dan pembelajaran. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjidd*, 311-312
- Lebar. O. 2022. *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Ed.2. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Majid, M. A., & Marlon, Y. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 31– 48.
- Majid, M. A., Awang, N., Aini, Z. H., & Opir, H. (2021). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21–37.
- Malkawi, Fathi Hassan. (2011). *Manhajiyah al-takamul al-ma'rifi*. Beirut: alMa'had al-Alami li al-Fikri al-Islami. Milton. Beirut: Librairie du Liban.
- Mat Jusoh, M. S., Samah, Mohd. N., M. Noor, N., Jamaludin, A. K., & Ayub, M. N. (2023). Sistem Pengurusan digital program 'Imarah Masjid: Kajian Analisis Keperluan Dan Pembangunan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 73–79. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i2.9863>
- Mat Zain, F., Jamsari, E. A., & Salleh, Z. M. (2012). Masjid Zahir, Kedah dari segi sejarah. Dalam *Proceedings of the 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago (Simposium Nusantara 9)* (pp. 402–408). Universiti Teknologi MARA (Perak).
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3
- Rahman, A. A., Mohd Faisal Yeap, M. J., & Abd Wakil, M. N. (2019). Amalan Pengurusan zakat di institusi masjid di Malaysia: Satu Tinjauan Awal di negeri selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 155–162. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.170>

- Remly. M. R., Abdul Kadir. M. N., Mohd Othman. F., & Sabaruddin. S.A., (2019). Prinsip al-imarah dalam kalangan AJK masjid ke arah mengimarahkan institusi masjid. Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Shahbuddin, Z. H., & Gunardi, S. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Terhadap Peranan Institusi masjid di Malaysia. 'Abqari Journal, 54–71. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.508>
- Wahab. N. A., Ab. Hamid, N., & Che Man, N. (2016). Pemerksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. e-Academia Journal UiTMT, 5(2), 219–229.